

09 MAR 2002
Ketari-Najib

SEMUA PARTI KOMPONEN BN DIJEMPUT SERTA KEMPEN DI KETARI

PEKAN, 9 Mac (Bernama) -- Naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata semua parti komponen Barisan Nasional (BN) akan dijemput bagi membantu jentera kempen pilihan raya BN di Ketari nanti.

Katanya mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini yang dipengerusikan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga bersetuju strategi kempen itu kelak mengambilkira pengalaman pilihan raya kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Pahang (April 2000) dan Indera Kayangan, Perlis baru-baru ini.

"Mesyuarat MT tadi juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai (pilihan raya kecil) Ketari dan menyerahkan sepenuhnya kepada Menteri Besar Pahang (Datuk Seri Adnan Yaakob) memandangkan beliau juga adalah ketua bahagian Umno Bentong dan masak dengan keadaan penduduk setempat," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan penduduk tempatan di Sekolah kebangsaan Pulau Rusa, Pekan, di sini.

Najib berkata pada mesyuarat MT itu, Adnan yang juga Pengerusi Badan Penghubungan BN Pahang dilantik sebagai pengarah pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari manakala Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dilantik sebagai Penyelaras Pilihan raya Kecil Pusat BN.

"Memandangkan lebih 50 peratus di Ketari terdiri dari pengundi kaum Cina, kita akan menjemput semua parti komponen BN untuk membantu jentera pilihan raya itu nanti," kata Najib.

Selain itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata semua anggota bahagian di Pahang juga akan "dikerahkan" bagi membantu jentera pilihan raya kecil itu kelak.

"Setiap perhubungan Umno negeri juga diminta turun membantu pilihan raya kecil itu nanti," katanya.

Pilihan raya kecil DUN ketari diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Loke Koon Kam pada 3 Mac lepas.

-- BERNAMA

MS LAT